



INFO SUKAN UPM EDISI JULAI/OGOS 2019



03-9769 1351/1288



www.i-sukan.upm.edu.my



Pusat Sukan UPM



Instagram/upmsports



https://www.youtube.com/channel

PUTRA[®] FIT

ATLET UPM SERTAI KEJOHANAN UNIVERSITI DUNIA

Kejohanan sukan Universiti Dunia 2019 telah diadakan di Napoli, Itali pada 3- 14 Julai 2019. Dalam kejohanan tersebut, seramai 9 orang atlet UPM telah terpilih untuk mewakili negara dalam pelbagai acara sukan yang dianjurkan. Atlet UPM telah menyumbang 1 pingat Gangsa dalam acara Taekwando bagi kontinen negara. Antara atlet-atlet yang telah menyertai pasukan negara dalam kejohanan tersebut ialah:

- 1) Muhammad Ikram Joni (Memanah)
- 2) Muhammad Saifuddin Mohd Kamro (Memanah)
- 3) Rozaimi Rozali (TaeKwondo)
- 4) Mohamad Lutfi Othman (Menembak)
- 5) Cheah Yau Chung (Olahraga)
- 6) Johnathan Nyepa (Olahraga)
- 7) Kirthana A/P Ramasamy (Olahraga)
- 8) Noor Shahidatunadia Mohd Zuki (Olahraga)
- 9) Kwong Kar Jun (Olahraga)



Pegawai pasukan Olahraga (UPM) di Kejohanan Universiti Dunia 2019, Napoli, Itali.



Rozaimi Rozali bersama pingat Gangsa yang dimenangi dalam acara Taekwando di Itali.



Pasukan Sepak Takraw UPM telah dipilih oleh Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) bagi mewakili negara untuk mengharungi saingan *Asian Beach Sepak Takraw Championship The West Coast New Area Qindao 2019* yang telah diadakan di Qindao, China pada 9-12 Julai 2019. Pasukan Malaysia telah berjaya menyumbangkan pingat Gangsa buat Malaysia bagi kategori Antara Regu. Pasukan ini telah diketuai oleh Mohamad Razizi Hj. Midin, Pegawai Belia & Sukan UPM, selaku Pengurus Pasukan Malaysia ke kejohanan tersebut. Kejohanan ini disertai 12 buah negara termasuk juara bertahan iaitu negara Thailand, Indonesia, India, China, Iran dan pelbagai negara lagi dari benua Asia.

LEONG MUN YEE ATLET PERTAMA MALAYSIA LAYAK 5 KALI KE SUKAN OLIMPIK

Syabas dan tahniah kepada Leong Mun Yee yang telah memenangi pingat Perak dalam acara 10m platform seirama di *18th FINA Diving World Championships 2019* yang telah diadakan di Gwangju Korea Selatan pada 10-14 Julai 2019. Dengan kejayaan tersebut, sekaligus telah menempah slot untuk beliau beraksi di kejohanan Olimpik Tokyo pada tahun 2020. Kejayaan tersebut juga menjadikan beliau sebagai atlet Malaysia pertama yang layak 5 kali ke Kejohanan Sukan Olimpik.



Penglibatan Leong Mun Yee di sukan Olimpik:



PUSAT SUKAN UPM DESTINASI PEMBANGUNAN SUKAN



Agensi	Tarikh	Pengisian
Chang Jung Christian University, Taiwan	28-30 Ogos 2019	Perlawanan persahabatan Ragbi dan perkongsian idea pembangunan sukan Ragbi.
Kelab Besbol Jepun	27 Ogos 2019	Perbincangan pembangunan sukan Besbol UPM/Malaysia
SMK Kota Puteri, Johor	30 Ogos 2019	Klinik sukan & permainan Olahraga dan Bola Sepak

UPM NAIB JOHAN KARNIVAL SUKAN MASUM 2019

Kontinjen Universiti Putra Malaysia telah dinobatkan sebagai Naib Johan keseluruhan kejohanan Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2019 yang telah diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UJP) pada 23 Julai hingga 3 Ogos 2019. Kontinjen UPM telah menyertai 20 acara sukan yang dipertandingkan dan diberi oleh 322 orang atlet dan 45 orang pegawai pasukan.



ATLET UPM RAIH PINGAT BUAT NEGARA



Nur Aliya Gapar bersama rakan sepasukan bergambar bersama setelah membuat panahan Emas buat pasukan negara di *Asia Cup World Ranking Tournament Stage 2, 2019 (Archery)* pada 2-7 Ogos 2019 bertempat di Taipei, Taiwan.

UPM SERDANG ANGELS KUASAI RAGBI IPT



Pasukan UPM Serdang Angels telah dinobatkan sebagai Johan dalam kejohanan Ragbi Super 8 IPT 2019. Dengan kejayaan yang dirangkul tersebut, pasukan UPM Serdang Angels melengkapkan kejurnaan kali ke-6 sejak kejohanan ini mula diperkenalkan pada tahun 2014. Pasukan UPM Serdang Angels telah menewaskan pasukan UITM Lions dengan skor 35-8 dalam perlawanan akhir Ragbi Super 8 IPT 2019 yang diadakan di Stadium UPM pada 24 Ogos 2019.

TAKWIM KEJOHANAN SUKAN KOLEJ SEMESTER 1, 2019/2020

HARI	SEPTEMBER (2019)	OKTOBER (2019)	NOVEMBER (2019)	DISEMBER (2019)
J		4	1	
SA		5	2 CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
A	1 AWAL MUHARAM	6	3	1
I	2	7	4	2
S	3	8	5	3
R	4	9	6 SOFBOL (L)	4
K	5 TMM/TTP/UNDIAN SUKOL	10	7	5
J	6	11	8	6
SA	7 CUTI SEMESTER	12	9 MAULIDUR RASUL	7
A	8	13	10 SOFBOL (L)	8 GOLF (L & W)
I	9 HARI KEPUTERAAN AGONG	14	11	9 RAGBI 15'S
S	10 KULTAH BERMULA	15	12	10
R	11	16	13 PING-PONG (L) & SKUASY (W)	11 HARI KEPUTERAAN SINGOR
K	12	17	14	12 RAGBI 15's
J	13	18	15	13
SA	14	19	16 RAGBI WANITA	14 OLAHRAGA
A	15 SEMINAR PENG. SUKOL	20	17 TBPNPIN BOLING (L&W)	15
I	16 HARI MALAYSIA	21	18	16 RAGBI 15'S
S	17	22	19	17
R	18 BADMINTON (W)	23	20 PING-PONG (W) & SKUASY (L)	18
K	19	24	21	19
J	20	25	22	20
SA	21 MERENTAS KAMPUS & LARI-AN KANSER	26	23 HOKI (W)	21
A	22	27 DEEPAVALI	24	22
I	23	28	25	23 CUTI ULANGKAJI
S	24	29 CUTI PERTENGAHAN SE-MESTER	26	24
R	25 BADMINTON (L)	30	27 RAGBI 15'S	25 HARI KRISMAS
K	26	31	28	26
J	27		29	27 CUTI ULANGKAJI
SA	28 LARI GANTI 1NRAYA & PERASMIAN SUKOL		30	28
A	29			29
I	30			30 PEPERIKSAAN AKHIR